



KENYATAAN MEDIA

15 Jun 2016

Mahasiswa UniMAP Wakili Malaysia Ke CERN Geneva

KANGAR, 15 Jun – Mahasiswa Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), melakar sejarah setelah terpilih untuk mewakili negara menyertai Program Latihan Pelajar Musim Panas di Pusat Penyelidikan Majlis Kesatuan Eropah untuk Penyelidikan Nuklear (CERN), di Geneva, Switzerland.

Chin Yuk Ming, 25, mahasiswa Sarjana Kejuruteraan Bahan, yang terpilih bersama dua lagi peserta akan menyertai program selama lapan minggu itu bermula 20 Jun ini.

“Saya tidak menyangka akan terpilih untuk menyertai program ini kerana satu-satunya pelajar sarjana kejuruteraan yang dipilih dalam kalangan calon-calon Sains Fizik.

“Selama lapan minggu di sana nanti saya dan penyelidik lain akan terlibat dengan penyelidikan perincian bahan (Materials Characterisation) untuk bahan terbaharu dengan menggunakan peralatan Large Hadron Collider (LHC) pemecut zarah terbesar di dunia yang terdapat di CERN,”katanya

Ujarnya lagi, beliau amat teruja untuk mencuba pelajaran baharu di CERN nanti dan pengalaman yang diperolehi nanti akan dikongsikan bersama rakannya di Malaysia.

Naib Canselor UniMAP, Dato’ Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal berkata, pemilihan Chin Yuk Ming oleh pihak CERN adalah satu pengiktirafan kepada kecemerlangan program-program pendidikan dan penyelidikan yang ditawarkan UniMAP.

“Lebih membanggakan lagi, beliau adalah satu-satunya calon daripada latar belakang kejuruteraan yang dipilih untuk menyertai program tersebut untuk menjalankan kajian berbentuk fundamental di CERN,”katanya.

Kata Dato’ Zul lagi, penglibatan Chin Yuk Ming dalam Program Musim Panas di CERN diharap dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk menyiapkan tesis kajian penyelidikan beliau dalam penghasilan bahan katod termaju untuk bateri Lithium-ion boleh cas semula.

“Kita sedang memfokuskan kajian berimpak tinggi untuk melestarikan kecemerlangan pendidikan di UniMAP dan kajian-kajian berimpak tinggi yang berbentuk fundamental amat penting untuk penerokaan ilmu-ilmu baharu oleh para penyelidik UniMAP.

“Saya berharap agar penemuan-penemuan saintifik yang diperoleh menerusi kajian seumpama ini akan dapat dikongsi dengan para pelajar UniMAP secara langsung menerusi kuliah dan syarahan dalam kelas atau bimbingan pensyarah berkenaan dengan pelajar pascasiswazah,”katanya lagi.

Dikeluarkan Oleh :

Mohd Basri Basir (mbasri@unimap.edu.my)

Penolong Pegawai Perhubungan Media UniMAP